

Etnik

Jilid 4-5
Bilangan 2-3
Ogos - Disember
2012

Melestarikan Bahasa Suku Sasabah

Adat Resam dan
Pantang Larang
Etnik **BONGGI**



MUSIBAH MAAH

*Permainan Tradisional Kanak-kanak
Suku Kaum Brunei*



Kalumpang



**MURUT SERUDONG
DAN KERAMAT**



Bahasa
Bangsa
Negara





Puisi Rakyat Murut

Timpuun

*Mooi ahai pahilong
simpang kilur tu ri kanawai
alumis, alampin kinaku.*

Timpuun

Kami pergi tengok
kita sudah bersatu
dalam satu kerajaan
yang aman damai dan makmur
di bawah kerajaan sekarang.

*Lagu rakyat ini dinyanyikan secara beramai-ramai oleh
sekumpulan orang Murut yang mendiami daerah Tenom.

Dipetik daripada:

Sendait: Irama Bawah Bayu yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.



Sidang Editor

Ketua Editor	Haji Jamaluddin Mohd Sulong (jamal@dbp.gov.my)
Editor Kanan	Aminah Awang Basar (aminah1@dbp.gov.my)
Editor	Ritah Yahaya (ritah@dbp.gov.my)
Editor Bersekutu	Abd Naddin Shaiddin (<i>Utusan Borneo</i>) Sitti Rahmah G. Haji Ibrahim (Jabatan Belia dan Sukan Persekutuan Negeri Sabah) Rita Lasimbang (Yayasan Bahasa Kadazandusun)
Pentadbiran	Ag. Aziz Jaafar Salmiah Ismail Nur Atikah Abdullah Hassan Hussin
Reka Bentuk Kulit/ Reka Letak Halaman	Percetakan Bunga Raya Sdn. Bhd.
Fotografi	Logiman J. Gamad

Ketua Pengarah	Dr. Haji Awang Sariyan
Timbalan Ketua Pengarah	Kamarul Zaman Saharudin

DICETAK OLEH

Percetakan Bunga Raya Sdn. Bhd.,
Lot 50-A, Hiong Tiong Industrial,
Lorong Buah Salak 5, 11.2 km. Jalan Tuaran,
P.O.Box 20148, 88758 Luyang,
Kota Kinabalu, Sabah.
Tel.: 088-387214
Faks: 088-384214
E-mel: pbrayakk@gmail.com

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi
Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, Jalan Sulaman,
Teluk Likas, 88400 Kota Kinabalu,
Sabah.

Tel: 088-439260 / 314 / 317
Faks: 088-439732 / 318
Laman sesawang: www.dbp.gov.my

Daripada Editor

Ingatan dan Penghargaan terhadap Masa Silam

Wikipedia mendefinisikan Pengetahuan Tradisi sebagai perangkat longgokan ilmu pengetahuan, cara, amalan, dan perwakilan yang dikekalkan dan dikembangkan oleh manusia yang mempunyai sejarah interaksi yang luas dengan persekitaran alam semula jadi. Pemahaman, pentafsiran dan pemaknaan Pengetahuan Tradisi merupakan sebahagian daripada kebudayaan yang kompleks, yang melingkungi bahasa, penggunaan sumber dan amalan, ritual, semangat, dan pandangan sarwa mana-mana suku kaum atau masyarakat dunia. Melalui Pengetahuan Tradisi yang melingkungi adat dan budaya tradisional yang diwarisi daripada generasi terdahulu, dan diwariskan pula kepada generasi seterusnya, etos satu-satu suku kaum, masyarakat atau bangsa itu dapat dijelmakan.

Etnik keluaran kali ini menyajikan makalah berkaitan adat dan budaya tradisional yang amat berkait rapat dengan seni kehidupan sehari-hari manusia yang bermula dengan alam kelahiran, kanak-kanak, remaja, dewasa, dan berakhir dengan alam kematian, dan yang melibatkan seni permainan tradisional, cerita rakyat, mitos, keramat, pantang larang, kajian sejarah, seni bina rumah, seni pertukangan *sunduk* (batu nesan), seni perubatan, seni pembuatan alat memasak seperti *kalumpang* serta seni masakan *ambuyat*, dan sebagainya sebagai satu perkongsian ingatan terhadap masa silam dan pernyataan penghargaan terhadap Pengetahuan Tradisi.

Penglobalisasian telah menyebabkan teknologi, maklumat dan komunikasi berkembang pesat, dan kini mendominasi dunia. Memiliki telefon bimbit adalah sesuatu yang lazim, tidak memilikinya pula adalah sesuatu yang luar biasa. Malah, kini kebanyakan orang tanpa mengira usia sudah mempunyai telefon pintar, komputer riba, komputer tablet, dan gajet berteknologi tinggi yang lain. Secara tidak langsung, penciptaan teknologi yang serba canggih ini telah memberikan peluang kepada manusia untuk meneroka dimensi baharu dan mempengaruhi cara mereka berfikir serta bertindak. Penglobalisasian secara senyap memamah Pengetahuan Tradisi, Sumber Genetik, dan kebudayaan tradisional dengan perlahan-lahan. Kesannya, Pengetahuan Tradisi, Sumber Genetik dan kebudayaan tradisional sedikit demi sedikit mula terancam, terhakis, dan akhirnya pupus serta lenyap.

K keadaan ini diburukkan lagi oleh pemangkin kepupusan itu seperti “kematian”, sama ada kematian fizikal ataupun kematian nilai satu-satu suku kaum atau masyarakat itu. Namun, “kematian” Pengetahuan Tradisi yang dikategorikan sebagai warisan tidak nyata ini berupaya dilambatkan walaupun tidak dapat dielakkan jika satu-satu etnik atau masyarakat itu mempunyai kesedaran akan peri pentingnya warisan tidak nyata ini dipertahankan. Jika tidak, semuanya akan tinggal sebagai rakaman dokumentasi etnologi semata-mata. Adat dan budaya tradisional merupakan khazanah masyarakat yang amat berharga, yang “tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas”.

Ritah Yahaya

Sunduk Pulau Jambongan

(Bahagian Kedua)

Oleh: MOHAMAD AZAREEN AMINULLAH

***Sunduk* dan Sufi**

Islam telah bertapak di Pulau Jambongan sejak nenek moyang kaum Bajau menghuni Pulau Jambongan. Hal ini dibuktikan melalui kesan peninggalan *sunduk* lama kepunyaan saudara kembar yang bertanggungjawab dalam pembukaan Pulau Jambongan¹. Menurut Mohd. Hassan bin Harun, *sunduk-sunduk* di Pulau Jambongan berusia lebih 100 tahun. Islam membawa satu aliran ajaran yang tinggi yang berkait rapat dengan kehidupan manusia. Cabang ajaran itu dikenal sebagai sufi. Ilmu sufi ialah kefahaman² terhadap diri.

Ragam bentuk *sunduk* mengambil olahan daripada ajaran sufi. *Sunduk* melambangkan khalifah, iaitu sifat ketua yang dianugerahkan olah Pencipta kepada manusia. Setiap individu mempunyai ragam hidup yang tersendiri yang diberikan khas oleh Pencipta untuk dinikmati semasa hayatnya. Ragam hidupnya sentiasa berbeza daripada satu dengan lain. Hal ini menyebabkan *sunduk* di Pulau Jambongan tidak mempunyai persamaan

¹ Saudara kembar yang menjadi pengasas Pulau Jambongan ialah Haji Sidek bin Haji Sayadi dan Haji.Maohd Ghafar bin Haji Sayadi.

²Pengenalan diri.

antara satu dengan yang lain. Setiap satu *sunduk* unik dengan ragam hiasannya. Dalam Islam diajarkan bahawa wajib percaya kepada alam ghaib. Sesuatu yang ghaib memang ada dan kita pasti akan kembali kepada alam itu. Kedudukan *sunduk* yang menegak merupakan konsep arah kembalinya manusia kepada Yang Satu. Segmen atas *sunduk* yang berbentuk tajam dan menghala ke atas melambangkan sebuah tempat yang infiniti.

Saiz Sunduk

Setiap manusia mesti melalui proses pertumbuhan saiz tubuh badan. Secara logiknya, seorang bayi yang baharu lahir bersaiz kecil. Seiring dengan peningkatan usia dan perkembangan otot-ototnya, saiz tubuh seorang bayi akan membesar dan menempuh peringkat kanak-kanak. Pada peringkat remaja pula, pertumbuhan saiz tubuh badan terus meningkat dan akhirnya akan ke peringkat dewasa dan tua. Perubahan fasa kehidupan manusia secara evolusi inilah yang menyebabkan saiz *sunduk* di Pulau Jambongan berbeza-beza.

Saiz *sunduk* memainkan peranan penting sebagai pengenalpastian kedudukan individu di dalam masyarakat Bajau Suluk. Bentuk *Sunduk* merupakan sesuatu bentuk yang bersifat nyata. Saiz *sunduk* mempengaruhi visual. Sesuatu yang bersifat besar dari aspek saiz serta dominan, secara tidak langsung memberikan



Gambar 1
Sunduk remaja lelaki.



Gambar 2
Sunduk dewasa.

kesan kemegahan. Kesan inilah yang menjadikan punca saiz *sunduk* yang terdapat di Pulau Jambongan berbeza-beza.

Secara umumnya, ketinggian *sunduk* menunjukkan peringkat usia. Kubur seorang bayi ditandakan dengan *sunduk* yang berketinggian lapan inci sehingga sekaki. Manakala, *sunduk* kubur seorang remaja lelaki berketinggian antara satu kaki hingga dua kaki seperti yang terdapat dalam Gambar 1. Ketinggian *sunduk* kubur jenazah dewasa (lelaki atau perempuan) pula ialah tiga kaki atau lebih. (Gambar 2).

Bahan Sunduk

Masyarakat Pulau Jambongan sangat prihatin dalam penggunaan bahan untuk menghasilkan *sunduk*. Bagi mereka, sesuatu yang dihasilkan untuk menjadi kenangan atau hadiah terakhir mestilah bersifat kekal. Kekal yang dimaksudkan ialah keupayaan bahan *sunduk* untuk bertahan lama dan bertahan dengan cuaca setempat. Oleh hal demikian, kayu bulian merupakan bahan yang mampu bertahan dengan tempoh masa dan cuaca setempat. Boleh dikatakan bahawa semua *sunduk* di Pulau Jambongan menggunakan kayu bulian. Selain sifatnya yang tahan lama, kayu bulian juga melambangkan status masyarakat Bajau Pulau Jambongan. Kayu bulian bukan sahaja digunakan untuk *sunduk*, tetapi kayu bulian juga digunakan untuk seni binaan setempat sejak dahulu lagi. Istilah “bulian” berasal daripada perkataan “berlian” yang bermaksud berharga. *Sunduk* dan kayu bulian sangat sinonim dengan masyarakat Pulau Jambongan. Malah, kayu bulian digunakan oleh kebanyakan masyarakat Bajau di Sabah. Hal ini dibuktikan dengan penemuan sebuah *sunduk* kayu bulian bertarikh 15 Mei 1386 yang ditemui di Pulau Omadal.

Motif dan Corak Sunduk Lelaki

Ukiran motif yang terdapat pada satah *sunduk* adalah berkait dengan persekitaran, budaya dan

kehidupan masyarakat di Pulau Jambongan. Adaptasi dengan fauna yang terdapat di persekitaran serta kelengkapan yang berkaitan dengan adat digabungkan dan digunakan sejak turun-temurun untuk menghasilkan formasi corak yang menghiasi satah *sunduk*. Olahan dan corak ukiran pada *sunduk* menggambarkan pegangan adat yang kuat di dalam masyarakat tersebut, dan merupakan indentiti kelompok masyarakat tersebut. Ragam reka coraknya berlainan daripada jenis corak suku Bajau yang lain. Malah, ragam coraknya juga tidak mempunyai persamaan dengan ragam corak batu nesan orang Melayu. Walaupun subjek motif dalam adat Melayu hampir serupa seperti bunga cengkih, pucuk daun, daun keladi, dan dauh sirih, olahan rupa bentuk *sunduk* mencerminkan masyarakat setempat. Motif yang digunakan mempunyai kriteria tersendiri.

Antara motif *sunduk* lelaki yang terdapat di Pulau Jambongan termasuklah:



Gambar 3 *Sunduk* dengan ukiran loceng.


a. Loceng

Ukiran loceng daripada kayu yang terdapat di hujung segmen atas *sunduk* melambangkan pangkat seseorang dalam masyarakat. Terdapat dua buah *sunduk* yang terbesar di Pulau


Jambongan yang dikenal sebagai *sunduk* saudara kembar yang membuka Pulau Jambongan. Ukiran loceng melambangkan status “abang” daripada kembar bersaudara itu. Motif loceng melambangkan kesiagaan dalam apa-apa juga keadaan. (Lihat Gambar 3).

b. Layar kuncup

Pengembaraan sebuah bahtera memerlukan sebuah layar dan sebatang tiang. Permukaan yang menggelembung menunjukkan sebuah layar yang kemas digulung dalam keadaan kuncup. Motif layar diukir pada *sunduk*. (Lihat Rajah 1).



Rajah 1 *Sunduk* dengan ukiran layar kuncup.




Rajah 2 *Sunduk* dengan ukiran daun sirih.

c. Sirih Kembar dan Daun Sirih

Sirih merupakan antara bahan peralatan yang sering digunakan dalam adat masyarakat Bajau Suluk Pulau Jambongan. Sirih dalam kehidupan masyarakat Bajau Suluk digunakan dalam perubatan, makanan, majlis keramaian, dan bahan kegunaan harian. Motif daun sirih yang disusun rapi seperti di dalam tepak sirih yang dijadikan hantaran dalam majlis perkahwinan tergambar dalam Rajah 2. Daun sirih juga menggambarkan yang si mati berkemungkinan merupakan seorang yang gemar makan sirih sewaktu hidupnya.

d. Bunga Cengkih

Bunga cengkih menghasilkan sejenis herba yang mengeluarkan haruman yang menyegarkan. Dalam masyarakat Bajau Pulau Jambongan, cengkih digunakan dalam beberapa jenis masakan tradisi. Bunga cengkih juga adalah sebahagian bahan yang digunakan dalam rokok. Motif bunga cengkih melambangkan aroma. (Lihat Rajah 2).



Rajah 3 Sunduk dengan ukiran pucuk muda.

e. Pucuk Muda

Motif pucuk muda dalam Rajah 3 ialah adaptasi pucuk tumbuhan yang boleh dimakan yang menjadi sumber bahan makanan penting dalam kehidupan harian. Motif pucuk ini berkait dengan pucuk yang bersifat baharu. Motif ini menyampaikan maksud yang tersirat, iaitu “penghidupan yang baharu”.

f. Cangkuk Layar

Pada bahagian pangkal silinder sunduk terbentuk motif cangkuk layar. Cangkuk layar digunakan untuk mengikat layar kapal di pangkal tiang layar. Motif ini melambangkan kesinoniman masyarakat Bajau dengan pelayaran. (Lihat Rajah 2).

g. Kelopak Bakau

Kayu bakau dan masyarakat Bajau mesti bersatu. Hal ini demikian kerana kebanyakan seni bina masyarakat Bajau menggunakan kayu bakau. Malah, kayu bakau banyak memberikan sumbangan yang besar dalam kehidupan mereka. Kayu bakau digunakan untuk memasak dan membuat pelantar rumah, reban ayam, dan sebagainya. Motif ini terletak di bahagian dasar sunduk kerana mengikut kesesuaian sifat kayu bakau yang menjadi penyokong dalam kehidupan masyarakat Bajau. (Rajah 4).




Rajah 4 Sunduk dengan ukiran kelopak bakau.

Motif dan Corak *Sunduk* Perempuan

Corak pada permukaan *sunduk* perempuan bersifat simetrikal dan ragam olahannya lebih bersifat organik. Kebanyakan *sunduk* perempuan diadaptasikan daripada flora dan fauna yang terdapat di persekitaran kehidupan masyarakat Bajau Pulau Jambongan. Corak yang simetrikal ini melambangkan “keseimbangan dalam kesempurnaan” kejadian seseorang manusia.

Sifat perempuan yang lembut ditafsirkan dengan ukiran “lemah gemalai” garisan organik dalam olahan motif dan coraknya. Kedudukan corak *sunduk* hanya berfokus pada bahagian atas *sunduk*, manakala bahagian tengah *sunduk* dibiarkan kosong. Peletakan corak adalah seperti sebatang pokok yang rimbun. (Lihat Rajah 5).



Rajah 5 Kedudukan corak *sunduk* perempuan.

Motif *sunduk* perempuan masyarakat Bajau Pulau Jambongan pula diperlihatkan dalam Rajah 6. Antara motif *sunduk* perempuan termasuklah:

a. Kacip Pinang

Motif *kelakati* atau kacip pinang melambangkan kesegaran dan identiti seorang perempuan.

b. Bunga Cengkih

Motif bunga cengkih melambang benih zuriat kandungan perempuan yang tiada pada seorang lelaki.

c. Silang Emas Pinang Muda


Motif Silang Emas Pinang Muda melambangkan kesuburan zuriat dan pengharapan terhadap ketinggian darjat zuriat-zuriatnya. Doa ini bukan sahaja semasa hayatnya, tetapi sehingga ke liang lahad, tanda kasih seorang ibu.

d. Bukud

Motif *bukud* atau punggung labuh merupakan lambang keindahan seorang perempuan yang sentiasa reda. Seorang isteri semasa hayatnya wajib mematuhi suami seperti yang diwajibkan dalam agama Islam. Motif ini diperlihatkan melalui lentuk garisan yang menunduk ke bawah.

e. Teratai Kuncup

Teratai Kuncup melambangkan budi bicara seorang perempuan yang bersopan santun dalam melahirkan kata-kata. Peletakan motif Teratai Kuncup di bahagian dasar *sunduk* melambangkan kata-kata halus daripada seorang perempuan itu yang menjadi sumber tenaga dalam kejayaan.




Rajah 6 Motif *sunduk* perempuan.

f. Motif Rambut

Motif *ngingkot tekok* diadaptasikan daripada rambut yang didandan menjadi tocang. Kaum wanita Bajau Pulau Jambongan menyimpan rambut sebagai mahkota. Rambut perlu dijaga

kerana penjagaannya akan menyerikan penampilan seseorang perempuan. Ikatan rambut yang panjang menjadi penghias gaya mendandan ketika itu.



Rajah 7 Motif tocang rambut.

Teknik dan Gaya Ukiran

Ukiran kayu dibuat dalam pelbagai teknik. Walau bagaimanapun, penggunaan satu-satu teknik itu banyak bergantung pada kebolehan dan kemahiran pandai kayu. Terdapat dua teknik ukiran *sunduk* di pulau ini, iaitu tebuk timbul dan tebuk terus. Manakala, ukiran *sunduk* terdiri daripada bentuk bujang, lengkap dan pemedang (Rajah 8).

Peralatan dan Kelengkapan Mengukir

Bagi membolehkan kerja dan hasil kerja dapat disiapkan dengan sempurna, peralatan mengukir kayu yang lengkap adalah penting.

Antara kelengkapan mengukir termasuklah pahat, pemukul kayu, batu asah, ijuk, pensil, jangka lukis, pita pengukur, dan kain perca. Kegunaan setiap peralatan ini berbeza. Pahat pengukir kayu digunakan untuk membentuk corak motif pada permukaan kayu.


Sunduk Pulau Jambongan mempunyai identiti tersendiri dalam kelompoknya. *Sunduk* merupakan ekspresi ideologi pemikiran yang tulen. Ketulenan ragam hias *sunduk* masyarakat Bajau Suluk Pulau Jambongan terserlah daripada permulaan falsafah dan pemilihan bahan kepada penghasilan corak dan motif di permukaan *sunduk*.

Ragam hias *sunduk* Pulau Jambongan merupakan penceritaan mengenai keperkasaan dan keagungan masyarakat Bajau dalam menilai keindahan yang dianugerahi Allah. Kisah manusia dan pengembaraan menjadi motif utama sesebuah *sunduk* masyarakat Bajau Pulau Jambongan. Masyarakat Bajau amat terkenal dengan kisah perjalanan hidup mereka yang sebagai pengembara laut yang disebut *sea gypsy* oleh Shater dalam bukunya, *The Bajau Laut: Adaptation, History, and Fate in a Maritime Fishing*.

Motif ukiran timbul serta ragam bentuk *sunduk* yang diukir memperlihatkan ketinggian kemahiran serta penglibatan jitu pengukir *sunduk* dalam penghasilannya. Motif, bentuk dan saiz *sunduk* mengisahkan identiti, kehidupan dan kehebatan masyarakat Bajau Pulau Jambongan.



Rajah 8 Ukiran *sunduk*.



Kalumpang

Oleh: NADIN HAJI SALLEH

Sebelum teknologi pembuatan perkakas dapur daripada pelbagai bahan seperti plastik, kaca, seramik, keluli, dan sebagainya, wujud, masyarakat Bisaya di daerah Beaufort, Sabah sudahpun mempunyai teknologi perkakasan dapur. Masyarakat Bisaya mencipta perkakasan dapur daripada kayu. Alat yang dimaksudkan ialah sejenis mangkuk besar yang dinamakan *kalumpang*.

Masyarakat Bisaya amat menghormati peralatan dapur sebagai sebahagian daripada punca rezeki di dalam sesebuah rumah. Terdapat pepatah yang sering diungkapkan oleh orang tua-tua berkaitan *kalumpang*, iaitu *Notingkouban do kalumpang* yang bermaksud seseorang yang tidak suka bergaul dengan orang lain.

Kalumpang lazimnya digunakan untuk memasak sagu yang dinamakan *ambuyat*. Bancuhan sagu yang agak likat akan dituang dengan air panas dalam *kalumpang* untuk menghasilkan *ambuyat* yang sedia dimakan dengan mencecah jeruk bambangan.

Kalumpang ialah sebuah mangkuk besar yang berketinggian kira-kira 25 sentimeter dan berketebalan tiga sentimeter. Sementara, luas permukaannya bergaris lintang 60 sentimeter. Saiz *kalumpang* tidak terbatas kepada ukuran yang dinyatakan, tetapi bergantung pada cita rasa pembuatnya.

Kalumpang diperbuat daripada kayu keras seperti merbau, batang nangka, batang durian, dan sebagainya. Batang kayu yang sudah ditebang akan dibelah untuk mendapatkan asas pembuatan sesebuah *kalumpang*. Alat



Kalumpang digunakan untuk memasak ambuyat.

yang digunakan untuk membuat *kalumpang* antaranya termasuklah beliung, kapak, tali pelarik bulatan, kertas pasir, pisau, dan pahat.

Menarah *kalumpang* memerlukan kemahiran tertentu agar mutu pembuatan *kalumpang* terjamin dan tahan apabila digunakan. Kerja menarah mula dilakukan mengikut bulatan bagi membentuk *kalumpang*. Kerja menarah peringkat awal akan dilakukan di dalam pondok. *Kalumpang* yang terbentuk akan dibawa ke rumah untuk kerja-kerja penghalusan. Pembuat *kalumpang* yang berpengalaman akan mencari bahagian batang yang mempunyai jalinan urat kayu yang sesuai. Jalinan urat kayu yang berserabut akan menyebabkan *kalumpang* agak sukar dibentuk dan bentuk bulatannya juga tidak seimbang. Pada permulaannya, lakaran bulatan akan dibuat di atas permukaan belahan kayu. Besar bulatan bergantung pada ukuran *kalumpang* yang dikehendaki oleh pembuat *kalumpang*.

Sebuah *kalumpang* akan mengambil masa sebulan untuk disiapkan, bergantung pada jenis kayu yang dipilih. Kayu yang agak keras seperti merbau mengambil masa yang lama untuk disiapkan. Oleh hal demikian, pembuatnya perlu berhati-hati agar struktur bulatannya tidak retak.

Pembuat *kalumpang* juga perlu mematuhi beberapa pantang larang ketika membuat *kalumpang*. Antara pantang larang ketika

Sebuah *kalumpang* akan mengambil masa sebulan untuk disiapkan, bergantung pada jenis kayu yang dipilih. Kayu yang agak keras seperti merbau mengambil masa yang lama untuk disiapkan. Oleh hal demikian, pembuatnya perlu berhati-hati agar struktur bulatannya tidak retak.

membuat *kalumpang* ialah kaum wanita tidak boleh melangkahi batang kayu yang digunakan. Tindakan ini dipercayai akan menyebabkan binaan *kalumpang* terbelah dua semasa proses pembuatannya.

Kalumpang yang sudah siap juga tidak boleh direndam di dalam sungai. Tindakan ini dipercayai boleh menyebabkan kejadian banjir besar yang berpunca dari sungai berkenaan.

Pada hari ini, penggunaan *kalumpang* untuk memasak *ambuyat* tidak lagi popular. Hal ini disebabkan pemasakan *ambuyat* boleh dibuat dengan menggunakan pelbagai perkakas masak yang lain seperti mangkuk plastik, kaca, seramik, dan sebagainya.



Permainan Tradisional Kanak-kanak Suku Kaum Brunei

Oleh: DAYANGKU MASTURA

Kajian Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam melalui buku *Inimbang: Permainan Tradisional Kanak-kanak* berjaya merekodkan 36 jenis permainan masyarakat Brunei yang jarang-jarang dimainkan, malahan mungkin sudah tidak diketahui oleh kanak-kanak zaman sekarang. Dalam makalah ini, penulis akan mengetengahkan beberapa permainan masyarakat Brunei yang gemar dimainkan dahulu, sama ada permainan di air, di dalam rumah ataupun di luar rumah.

Perkara yang menarik tentang permainan tradisional masyarakat Brunei ialah ada antaranya diiringi oleh rangkap lagu, misalnya *inimbang* dan *susurapit*. Selain itu, permainan tradisional ini mempunyai sistem pengundian yang praktikal. Tujuannya adalah untuk mewujudkan keadilan dan kepuasan hati. Salah satu sistem pengundian tersebut adalah dengan membuat cabutan tulang daun. Tulang daun diperbuat daripada batang lidi daun kelapa atau daun nipah. Ukuran panjang setiap batang lidi berbeza-beza mengikut persetujuan bersama. Pemain yang mendapat lidi yang ganjil akan dianggap kalah mengundi.

Sistem pengundian yang lain ialah *bercus*. Dalam sistem ini, pemain biasanya akan menggunakan simbol tertentu seperti kertas, gunting, batu, dan tukul. Pemain akan menyembunyikan tangannya terlebih dahulu sebelum mengeluarkannya dengan simbol tertentu secara serentak. Pemain

yang mengeluarkan simbol yang dianggap lemah akan dianggap kalah.

Sistem pengundian yang boleh dianggap sedikit moden ialah *bertanung*. *Tanung* membawa maksud tekaan. *Bertanung* dengan duit syiling menghendaki pemain membalik duit syiling setelah membuat pilihan sama ada bahagian kepala ataupun bahagian ekor duit syiling tersebut. Tujuannya adalah untuk menentukan pemain pertama.

PERMAINAN DIAIR

1. Main *Ancau-ancau Lauk*

Permainan ini tidak menghadkan jumlah pemainnya. Kebiasaannya, permainan ini dimainkan oleh kanak-kanak lelaki. Dalam permainan ini, pemain dikehendaki membentuk bulatan, sementara seorang pemain dikehendaki keluar dari bulatan dan berperanan sebagai seekor lauk atau ikan. Cara menentukan pemain yang akan menjadi *lauk* adalah dengan membuat cabutan *tulang daun*. Pemain yang tercabut tulang daun yang pendek, akan dikira kalah mengundi.

Pemain dikehendaki membuat bulatan sambil berpegang tangan. Pemain yang kalah dan berada di luar bulatan akan berusaha untuk masuk ke dalam bulatan. Para pemain yang membentuk bulatan akan bertahan dan menghalang “lauk” daripada memasuki bulatan. Mereka akan menguatkan pegangan tangan masing-masing. Apabila “lauk” dapat merempuh masuk, pemain yang gagal mempertahankan bulatan tersebut akan dikeluarkan. Sebagai denda, pemain itu pula akan bertindak sebagai “lauk”.

2. Main *Ajung-ajungan*

Permainan ini juga gemar dimainkan oleh kanak-kanak lelaki. Bilangan pemain *Ajung-ajungan* adalah tidak terhad. *Ajung-ajungan*

Peralatan yang digunakan ialah ajung atau perahu kecil, yang dibuat khas daripada papan atau pucuk daun.

dimainkan dengan cara meluncurkan ajung di air. Peralatan yang digunakan ialah ajung atau perahu kecil, yang dibuat khas daripada papan atau pucuk daun. Kesemua ajung mestilah mempunyai ukuran yang sama. Setiap pemain akan bersedia dengan ajung masing-masing di tempat berlepas yang telah dipersetujui bersama. Ajung akan diluncurkan mengikut arus air oleh setiap pemain. Untuk memulakan perlumbaan, salah seorang pemain akan mengatakan, “Jaga, jaga, *bah!*” Dalam permainan ini, ajung yang mendahului ajung yang lain dianggap memenangi permainan.

3. Main *Tuluk Salam Berjauh*

Permainan ini juga tidak menghadkan bilangan pemainnya. Permainan ini dimainkan secara menyelam dan berenang di dalam air. Permainan dimulakan dari tempat pemain mula-mula berlepas, sama ada di tebing sungai ataupun di tempat sebarang tanda yang dipersetujui. Permainan ini merupakan sejenis perlumbaan. Dan, untuk memulakannya, salah seorang pemain akan mengatakan, “*Bah.*” Semua pemain akan mula menyelam dan berenang ke garis penamat. Kebiasaannya, sebatang pancang kayu yang dipacakkan akan menjadi garis penamat. Pemain yang sampai dahulu dan timbul di pancang, akan dianggap pemenang.

4. Main *Tuluk Salam Bertahan-tahan*

Permainan ini juga tidak membataskan bilangan pemainnya. *Tuluk Salam Bertahan-tahan* dimainkan secara menyelam ke dalam air. Tujuan permainan ini adalah untuk menguji

ketahanan nafas seseorang pemain ketika berada di dalam air. Dalam permainan ini, pemain akan menyelam bersama-sama. Pemain yang terakhir timbul di permukaan air akan dianggap pemenang.

PERMAINAN DI LUAR LAMAN

1. Main Ajung

Permainan ini dimainkan oleh dua buah pasukan yang mempunyai jumlah pemain yang bilangannya sama. Main Ajung dimainkan di tempat yang terbuka seperti di halaman rumah. Alat yang diperlukan ialah sebiji batu kecil yang dinamakan “buah”. Setiap pasukan mempunyai sebiji “buah”. Cara penentuan pasukan yang akan memulakan permainan adalah dengan *bercus*. Permainan dimainkan secara bergilir-gilir, dan dimulakan oleh pasukan yang menang *bercus*.

Dalam permainan ini, kedua-dua buah pasukan akan memilih seorang ketua. Ketua akan mengarahkan ahli-ahlinya membentuk barisan. Kesemua pemain dikehendaki duduk bersila atau berlunjur di dalam barisan

Permainan ini meletakkan syarat tertentu, iaitu setiap pemain yang dikejar tidak boleh berlari melimpasi kawasan yang telah dipersetujui bersama.

pasukannya. Ketua pasukan yang menang *bercus*, akan meletakkan “buah” di tangan salah seorang pemain pasukannya. Setiap pemain akan menyembunyikan tangan mereka di pangkuan, dengan tujuan untuk mengelirukan pemain pasukan lawan.

Setelah itu, ketua pasukan yang kalah *bercus*, akan meneka pemain yang menyimpan “buah” tersebut. Dia dibolehkan meneka sekali sahaja. Jika tekaannya tepat, maka pemain yang

menyimpan buah tadi akan berpindah duduk ke depan. Kemudian, giliran meneka akan bertukar kepada ketua pasukan yang menang *bercus* pula. Proses yang sama dilakukan. Pasukan yang pemainnya banyak yang berpindah duduk, akan dikira kalah.

2. Main Kundui

Permainan yang dimainkan di laman ini tidak menetapkan jumlah pemainnya. Tidak ada peralatan yang diperlukan dalam permainan ini. Pemilihan pemain akan ditentukan dengan mencabut “tulang daun”. Sesiapa yang mendapat “tulang daun” terpendek, akan dikira kalah dan dia akan menjadi pengejar.

Pengejar akan mengejar pemain lain dan sekiranya dia dapat menangkap atau menyentuh salah seorang pemain tersebut, maka orang yang disentuh itu pula yang akan menjadi pengejar. Sepanjang permainan ini, si pengejar akan bersoal-jawab dengan pemain lain. Pemain yang lain akan berkata, “*Kundui bedaun satu*”. Si pengejar akan menjawab sambil mengejar, “*Bedaun satu pebaik*”. Soal jawab ini berterusan sehingga, “*Kundui bedaun 10*”. Kadang-kala juga, perkataan akan ditambah seperti, “*Kundui kan marah*” atau “*Kundui kan menguyung*”. Ketika pemain yang lain leka, pengejar akan mengambil kesempatan menangkap salah seorang pemain.

Permainan ini meletakkan syarat tertentu, iaitu setiap pemain yang dikejar tidak boleh berlari melimpasi kawasan yang telah dipersetujui bersama. Setiap pelanggaran dikira “hangus” dan pemain yang melanggar syarat tersebut, akan menjadi pengejar.

3. Main Pundut

Permainan ini hanya dimainkan oleh dua orang pemain. Permainan yang dimainkan di kawasan tanah berpasir ini juga dikenal sebagai main *ekong*. Jika tidak ada kawasan yang berpasir, habuk gergaji (kayu) juga boleh digunakan

untuk menggantikan pasir. Dalam permainan ini, peralatan yang diperlukan ialah seutas tali purun atau tali nylon sepanjang (lebih kurang) dua meter dan sebatang buluh atau sebatang kayu tajam.

Permainan dimulakan dengan menentukan pemain yang akan membuat tekaan. Sistem pengundian akan dilakukan, sama ada dengan *bercus*, mencabut “tulang daun” ataupun *bertanung*. Pemain yang menang akan menyembunyikan seutas tali yang bergelung di dalam kawasan terbatas seluas satu meter persegi. Lawannya hendaklah memalingkan pandangan ke tempat lain sewaktu tali disembunyikan. Kawasan tanah pasir tersebut hendaklah digoreskan atau dibuatkan dinding kayu. Ukuran garis pusat gelung tali itu ialah 15 sentimeter, bergantung pada keluasan kawasan permainan. Jika kawasan tersebut lebih luas, maka ukuran garis pusat gelung tali juga ditambah. Tali yang disembunyikan itu dilingkarkan, kemudian ditutup dengan pasir dan diratakan untuk mengelirukan lawannya. Hujung tali yang dilingkarkan sengaja dihulurkan sedikit, supaya mudah untuk ditarik keluar.

Kemudian, lawannya akan meneka kedudukan gelung tali dengan memacakkan kayu, buluh atau lidi yang digunakan, di tempat yang difikirkan terdapat gelung tali tersebut. bagi memastikan kayu yang dipacakkan itu berada di dalam gelung tali, hujung tali yang sengaja dihulurkan tadi akan ditarik. Tekaan yang tepat adalah apabila kayu yang dipacakkan itu terkait pada tali apabila ditarik keluar. Sekiranya tepat, peneka memperoleh satu pundut dan jika sebaliknya, permainan ini akan diulang semula dan giliran lawan tadi pula yang akan membuat tekaan.

4. Main Tambi Duduk

Permainan ini tidak mengehadkan jumlah pemainnya. Permainan ini sesuai dimainkan di kawasan tanah lapang. Pemilihan pemain akan

dilakukan dengan sistem *bercus*, mencabut “tulang daun” atau menggenggam jari telunjuk yang dicecahkan pada tapak tangan salah seorang pemain. Setiap pemain akan mencecahkan jari telunjuk mereka di atas tapak tangan dan dalam masa yang sama, orang yang menadahkan telapak tangannya itu akan menyanyikan lagu seperti yang berikut:

“Pat kulipat, kulipat dalam *bayung*.
Siapa dapat, ia *menguyung*.”

Sebaik sahaja perkataan *menguyung* diucapkan, setiap pemain akan cepat-cepat menarik jari telunjuk mereka agar tidak sempat digenggam. Pemain yang jari telunjuknya berjaya digenggam, maka orang tersebut akan menjadi “tambi” atau gelaran lain bagi pengejar dalam permainan ini. Namun adakalanya, nyanyian tidak digunakan dalam permainan ini, tetapi sekadar menghitung satu hingga tiga.

Permainan dimulakan dengan “tambi” yang akan mengejar pemain lain. Sekiranya dia dapat menyentuh salah seorang daripada mereka, maka pemain yang tersentuh itu pula akan menjadi “tambi”. Adakalanya dengan persetujuan bersama, “tambi” hendaklah *membenteh* pemain yang dapat ditangkapnya terlebih dahulu sebelum orang yang ditangkapnya itu menjadi “tambi” pula. Dalam permainan ini juga, pemain yang dikejar boleh diberikan *limut*, iaitu penangguhan dengan menaikkan ibu jarinya sebagai isyarat dan “tambi” akan faham bahawa pemain tersebut tidak perlu dikejar kecuali, pemain yang mendapat *limut* itu mengatakan “*Lapas limut*”.

Pemain yang duduk tidak boleh bermain kecuali dijamin oleh pemain lain. Jika dia berdiri tanpa dijamin, dia pula yang akan menjadi “tambi”. Cara menjamin pemain yang duduk adalah dengan menarik atau menampar telapak tangannya. Pemain yang menunggu dijamin akan sentiasa menghulurkan tangan agar dijamin oleh pemain lain. Dia tidak boleh berpindah duduk kecuali sekiranya dia tidak

boleh bermain lagi setelah kepalanya atau bahagian belakangnya dipegang oleh “tambi”.

PERMAINAN DI DALAM RUMAH

1. Main “Datu Harimau”

Permainan ini tidak membataskan jumlah pemainnya. Dalam permainan ini, orang yang kalah berundi melalui *bercus* atau mencabut “tulang daun” akan menjadi “Datu Harimau” dan mengejar pemain yang lain. Permainan ini dimainkan dengan nyanyian yang berbentuk soal jawab. Rangkap lagu yang berbentuk soalan akan diberikan oleh pemain lain. Soalan tersebut akan dijawab oleh “Datu Harimau”. Rangkap lagu adalah seperti yang berikut:

Suara ramai : “Pukul berapa 'Datu Harimau'?” (Soalan pertama hendaklah dijawab bermula dengan pukul satu).
“Datu Harimau” : “Pukul satu!”
Suara ramai : “Pukul berapa 'Datu Harimau'?”
“Datu Harimau” : “Pukul dua!”
Suara ramai : “Pukul berapa 'Datu Harimau'?”
“Datu Harimau” : “Pukul tiga!”

Soalan yang sama akan berterusan dinyanyikan sehinggalah “Datu Harimau” menjawab “Pukul 12.” Ketika permainan ini berlangsung, “Datu Harimau” berjalan di hadapan, sementara pemain lain mengekori dari belakang sambil menyoal. Pemain lain akan mengikut ke mana sahaja langkah “Datu Harimau”. Mereka berjalan secara berkumpulan dengan jarak yang agak jauh yang tidak mudah ditangkap oleh “Datu Harimau”. Apabila “Datu Harimau” selesai sahaja menjawab, “Pukul 12”, semua pemain akan bertempiran lari kerana “Datu Harimau” akan mengejar mereka. Pemain yang tertangkap akan

menjadi “Datu Harimau” dan permainan diulang semula.

2. Main *Tilu Tilan*

Permainan ini terhad kepada empat orang pemain. Empat perkataan iaitu, “*Tilu, Tilan, Gulimang, Bangkung*” akan digunakan bagi menggantikan perkataan satu, dua, tiga, dan empat. Alat yang diperlukan adalah beberapa biji buah *kembayau* atau batu kecil yang dinamakan “buah”.

Setiap pemain hendaklah menyembunyikan sejumlah biji *kembayau* dalam genggam masing-masing. Jumlah biji *kembayau* yang digenggam adalah mengikut kesukaan pemain. Pemain pertama akan menyebut, “*Tilu*” diikuti oleh pemain kedua yang akan menyebut, “*Tilan*”. Seterusnya, disambung oleh pemain ketiga yang akan menyebut “*Gulimang*”, dan pemain keempat pula akan menyebut “*Bangkung*”. Kemudian, semua “buah” yang digenggam oleh setiap pemain akan dikumpulkan dan dihitungkan dengan sebutan “*Tilu, tilan, gulimang, bangkung*”. Sekiranya hitungan pemain terhenti pada “buah” pemain yang menyebut perkataan “*Tilan*”, pemain tersebut berhak memiliki semua “buah” yang terkumpul. Pada akhir permainan ini, pemain yang mendapat “buah” terbanyak akan dikira pemenang.

3. Main *Bit-bit Ucing*

Permainan ini terhad kepada empat orang pemain. Permainan ini sesuai dimainkan di halaman atau di ruang di dalam rumah. Rangkap lagu yang dinyanyikan dalam permainan ini adalah seperti yang berikut:

*Bit-bit ucing, ucing terngiau-ngiau,
 Ngiau, ngiau bawah tambak,
 Pacah talur sebiji, hangus bulu sapi,
 Naik ke rumah tinggi, ngiau... ngiau.*

Dalam permainan ini, pemain akan saling mencubit belakang tangan, iaitu setiap pemain mencubit belakang tangan pemain yang lain, dan belakang tangannya pula dicubit oleh pemain lain sehingga terbentuk satu rangkaian. Sambil bermain, mereka akan menyanyikan lagu *Bit-bit Ucing*. Apabila selesai menyanyi, baharulah cubitan itu dilepaskan dan mereka akan bercakara secara olok-olok.

4. Main *Susurapit*

Permainan ini tidak membataskan jumlah pemainnya. Pemilihan pemain akan dilakukan dengan cara *bercus* atau mencabut “tulang daun”. Permainan ini dimainkan secara berlagu. Rangkap lagunya adalah seperti yang berikut:

Susurapit,
Susurapit daun limau.
Siapa terhapit,
 Ditangkap oleh rimau.

Peralatan yang diperlukan dalam permainan ini ialah duit syiling, *usin balahan* atau “tulang daun” yang dipatah-patah kecil, atau sebiji kacang. Benda-benda ini dijadikan tekaan yang digelar “buah”. Pada permulaan permainan, pemain yang kalah *bercus* akan duduk sambil membongkokkan kepala, tunduk ke arah lantai. Manakala, pemain yang lain akan menadahkan sebelah tangan mereka di atas belakang pemain yang membongkok itu. Pada ketika ini, salah seorang pemain akan mengeluarkan “buah” dan mula menyanyikan lagu *Susurapit* sambil jari telunjuknya mencecah semua (satu persatu) tapak tangan pemain hingga lagu tersebut selesai. Setelah itu, setiap pemain akan mengenggam tapak tangan mereka (salah seorang pemain akan menyimpan “buah” dalam genggamannya). Seterusnya, setiap pemain akan mengangkat genggamannya mereka sambil siku mereka ditepuk-tepuk pada tapak tangan yang sebelah lagi. Dalam masa yang sama, mereka akan berkata, “Siapa... siapa?”

Pemain yang membongkok tadi akan bangun dan mula meneka (sekali sahaja) pemain yang mengenggam “buah” itu. Jika tekaannya betul, orang yang mengenggam “buah” itu pula yang akan membongkok dan menjadi peneka. Jika tekaannya salah, peneka akan tetap membongkok dan permainan diulang semula sehingga tekaan yang betul berjaya dibuat.

Demikian serba sedikit perbincangan tentang permainan tradisional suku kaum Brunei. Permainan tradisional yang merupakan salah satu seni warisan bangsa bukan sahaja bersifat riadah malah permainan tradisional juga mampu merangsang pemikiran dan kreativiti, memupuk semangat kerjasama dalam pasukan, serta melatih kanak-kanak bertoleransi serta berkomunikasi melalui lagu dan gerak tubuh.

Glosari

<i>ajung</i>	perahu kecil
<i>bedaun</i>	berdaun
<i>bertanung</i>	meneka
<i>ekong</i>	ekor
<i>hangus</i>	tidak kira/tidak aci
<i>kembayau</i>	sejenis buah tempatan, berwarna ungu
<i>lapas</i>	lepas
<i>lauk</i>	ikan
<i>limut</i>	tangguh
<i>membenteh</i>	menjatuhkan
<i>menguyung</i>	mengejar
<i>pebaik</i>	membawa maksud tidak apa-apa
<i>salam</i>	selam
<i>usin balahan</i>	benda leper atau pecahan tembikar berbentuk bulat atau persegi.



MUSIBAH MAAH (MEMBINA RUMAH)

ANTARA PELANGGARAN ADAT,
PANTANG LARANG
DAN *BLACK STREAM*

Oleh: SIMON SUMIN DUGOK

Golongan emas etnik pagan Kadazan Papar yakin bahawa pelanggaran adat dan pantang larang dalam pembinaan rumah, misalnya pelanggaran dalam memilih tapak rumah, bahan binaan, masa (menurut kitaran bulan), dan sebagainya, menjadi antara penyebab utama pemilik atau penghuni rumah berkenaan sering dilanda musibah. Hal yang berlaku ini dipercayai merupakan timbal balas terhadap pencerobohan habitat makhluk halus termasuk jin, yang tidak diusir terlebih dahulu.

Berbeza dengan teori Dr. Peter F, pencari barangan misteri dari dalam bumi yang bergiat aktif selama lebih 25 tahun dalam kajian *dowser*. Menurut beliau, musibah serupa terjadi disebabkan oleh *black stream*, iaitu arus bumi bertindak balas terhadap segala “pencerobohan” yang berlaku di sekitarnya.

Kuasa ghaib ini juga dikenal sebagai *negative ley*. Kuasa ghaib aktif apabila garisan itu merentasi kediaman, ladang dan sebagainya. Menurut Dr. Peter F, sesiapa sahaja yang telah dikuasai akan mudah dijangkiti pelbagai penyakit seperti barah dan gangguan emosi.

Implikasi *black stream* tidak hanya berpusat kepada manusia, tanaman, binatang, malah pada alat ciptaan manusia, misalnya tiang elektrik dan telefon yang lebih cepat berkarat, berbanding dengan yang lain.

Peleraian Musibah

1. Pemilihan tapak

Bagi sesetengah tempat, sebelum kerja memacak tiang seri, wajib dimulakan dengan memacak pancang, iaitu tempat tiang akan dipacakkan. Selama tempoh “bertenang”, lazimnya tiga hari, jika tiada mimpi dan alamat buruk, kerja-kerja memacak tiang akan dilakukan dari tujuh hingga 15 haribulan.

Proses awal ini amat penting. Oleh hal demikian, perancangan pemilihan tapak rumah adalah berpandukan kepercayaan tradisi (animisme), peraturan, pengalaman, serta kemahiran. Antara tapak rumah yang tidak sesuai ialah bekas tanah perkuburan lama, tempat laluan manusia dan jin, tepi sungai dan parit, mempunyai mata air, berhampiran busut, dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, syarat ini boleh diketepikan sekiranya tapak rumah yang sesuai sudah tidak ada, tetapi tapak rumah iyang terpaksa dipilih itu dipulihkan terlebih dahulu oleh golongan *bobohizan*. Antara ritual pemulihan termasuklah menyuruh jin, makhluk halus atau penunggu meninggalkan atau berpindah dari tempat tersebut selepas diberikan pengeras.

2. Pemilihan bahan binaan

Perkara yang tidak kurang penting ialah pemilihan bahan binaan. Bahan binaan seperti kayu-kayan, daun rumbia, bambu, dan sebagainya mestilah bersifat tahan lama, tidak ditebuk bubuk (kutu kayu), dan kayu-kayan yang tidak mempunyai pucuk muda serta pelbagai jenis. Permulaan memacak tiang, mengambil atau mengumpul bahan-bahan wajib dimulai pada bulan yang sama.

Pembinaan Rumah

Semasa tempoh pembinaan rumah, pemilik rumah ditegah sama sekali meneruskan kerja-kerja pembinaan sekiranya berlaku kematian di kampungnya atau di kampung bersebelahan, sehinggalah pada hari pengebumian. Bumbung

rumah juga tidak dibolehkan mengarah ke sungai yang terdekat kerana bumbung rumah menyerupai binaan rumah kubur.

Pemulihan Tanah

Berbeza dengan kaedah para dowser, mereka meleraikan tanah dengan kaedah yang dikenal sebagai pemulihan tanah atau bumi (*land accupunture*). Batang-batang tembaga digunapakai untuk mengetuk dan menyucuk di segenap kawasan berkenaan secara berulang-ulang untuk beberapa minggu.

Ahli-ahli geomansi Cina menamakan kejadian sebagai *sha*. Mereka meyakini *sha* mampu mendatangkan impak, termasuk kematian, kerosakan dan kemusnahan. *Sha* berlaku sekiranya terdapat gangguan pada keseimbangan, iaitu antara sifat pada kuasa *yin* dan *yang*.

Kaedah perubatan alam sekitar (*enviromental medicine*) atau lebih tepat *land accupunture* adalah paling relevan menurut para geomansi Cina. Batang-batang tembaga yang digunakan oleh para *dowser* boleh diibaratkan sebagai jarum yang digunapakai oleh ahli perubatan lama Cina dalam perawatan akupuntur untuk tubuh manusia.

Apakah benar musibah yang terjadi adalah disebabkan oleh tindakan balas dendam makhluk halus dan jin terhadap manusia yang “menyakitkan” mereka? Atau, adakah hal ini mungkin berlaku disebabkan oleh setiap hidupan mempunyai hubung kait secara langsung dengan kejadian alam?

Menurut Tom Graves yang juga seorang *dowser*, merumuskan perubatan alam sekitar merupakan cara terbaik untuk mengembalikan tenaga yang “di musnahkan” oleh manusia. Mungkin juga memacak wang siling lama di setiap tiang seri rumah dan menabur garam juga merupakan perubatan alam sekitar bagi etnik pagan Kadazan? Dalam hal ini, satu persoalan yang pasti ialah kenyataan bahawa fikiran manusia mengawal seluruh pergerakan badan, sudah diterima, namun belum ada lagi bukti yang kukuh untuk meyakinkan bahawa fikiran manusia dikawal oleh kuasa-kuasa bumi.

BAHASA BISAYA Mengimbau Kajian lampau

Oleh: AMINAH AWANG BASAR

Penyelidikan secara ilmiah yang mapan tentang bahasa-bahasa sukuan di Sabah, khususnya bahasa Bisaya tidak banyak dilakukan. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa penelitian bahasa Bisaya melalui beberapa kajian yang pernah dilakukan oleh penyelidik tempatan dan barat telah diusahakan. Menurut Appell (1968)¹, tidak ada sebarang penyelidikan tentang orang Islam di Sabah termasuklah etnik Bisaya sebelum tahun 1965. Hanya selepas tempoh tersebut, beberapa penyelidikan linguistik, khususnya oleh pengkaji Barat dilaksanakan.

Makalah ini dihasilkan dengan tujuan memberikan gambaran bahawa masih terdapat lompong dalam himpunan kosa ilmu persuratan dan kajian linguistik Melayu, khususnya kajian terhadap bahasa-bahasa sukuan di Sabah. Dalam makalah² ini, penulis akan mengulas aspek kosa ilmu ini dengan mengambil kira kajian lampau yang dilakukan oleh beberapa orang pengkaji Barat dan tempatan. Antara kajian yang akan dibincangkan termasuklah kajian oleh Headly D. (1950), R.A Bewsher (1956), John Carroll (1960), Tom Harrisson (1962), Benedict Sandin (1971), Asmah Haji

¹Appell, G.N. 1968. "The Dusun Languages of North Borneo: The Rungus Dusun and Related Problem". *The Oceanic Linguistics* 7:1 –15.

²Makalah ini diadaptasi daripada tesis sarjana penulis berjudul *Aspek Fonologi Bahasa Bisaya: Suatu Analisis Autosegmental* (UKM, 2004).

Omar (1983), Phyllis A. Dunn (1984), dan Kenneth D. Smith (1984). Perbincangan dan ulasan kosa ilmu adalah berdasarkan tiga skop kajian, iaitu kajian etimologi, kajian sosiobudaya dan kajian bahasa.

Kajian Etimologi

Terdapat beberapa hipotesis yang dikemukakan tentang asal-usul perkataan “Bisaya” dan cara perkataan ini wujud di Borneo. Harrison (1958) mengandaikan bahawa perkataan “Bisaya” berkait rapat dengan kehadiran empayar Srivijaya di barat Borneo pada abad ke-

Menurutnya, perkataan “Bisaya” sebenarnya berasal daripada perkataan “Vijaya”. Walau bagaimanapun, andaian ini disangkal oleh Verstralen, seorang pengembara Eropah. Verstralen mengandaikan perkataan “Vijaya” adalah lebih dekat kepada perkataan “Biraya” berbanding dengan “Bisaya” berdasarkan analogi terhadap perilaku bunyi dalam bahasa-bahasa Austronesia.

Headly (1950) dalam tulisannya, *Some Bisaya Folklore* pula mengaitkan perkataan “Bisaya” dengan ungkapan “bisai-ya” daripada bahasa Brunei yang membawa maksud “cantiknya”. Berdasarkan penelitian terhadap beberapa cerita rakyat masyarakat Bisaya, ungkapan “bisai-ya” telah diujarkan oleh Sultan Brunei setelah baginda kagum melihat keindahan dan kesuburan dusun buah-buahan dan kebun sayur-sayuran yang diusahakan oleh penduduk peribumi di barat Borneo ketika itu. R.A Bewsher (1956) melalui kajiannya bertajuk *Bisayan Account of Early Bornean Settlement in The Philippines Recorded by Father Santaren* mengemukakan hipotesis kewujudan

Bisaya di Filipina yang tercatat dalam *maragtas*³. *Maragtas* dikatakan mengandungi maklumat penting tentang asal-usul perkataan “Bisaya” yang kemudiannya dikaitkan dengan sejarah awal kedatangan orang-orang Bisaya Borneo ke Filipina.

Carroll (1960) melalui kajian *The Word Bisaya in The Philippines and Borneo* mengemukakan pendirian bahawa hipotesis etimologi Bisaya yang dikemukakan antara tahun 1920 hingga 1921, dan 1926 adalah spekulasi semata-mata. Bagi menyangkal hipotesis lampau berkenaan, Carroll mengemukakan teorinya berdasarkan legenda masyarakat Bisaya di Borneo dan *maragtas* tulisan Father Santaren.

Menurut Carroll, sebelum kedatangan Islam ke Borneo, kawasan Retus dan Sungai Bintulu di Sarawak dikuasai oleh pemerintah bernama Makatunao yang dipercayai berketurunan Malanau. Sepanjang pemerintahannya, Makatunao mengamalkan penindasan terhadap orang-orang Bisaya di sepanjang Sungai Bisaya hingga menyebabkan beberapa pembesar Bisaya meninggalkan tempat tersebut. Kumpulan pembesar ini kemudiannya belayar di sepanjang pantai Sarawak menuju perairan Palawan lalu berhenti di Cagayan⁴. Mereka kemudiannya terus belayar ke Pulau Panay dan membina penempatan tetap di situ. Penempatan awal di pulau ini diikuti oleh proses migrasi yang berterusan dari Borneo⁵.

Kajian Sosiobudaya

Tom Harrison (1962) dalam kajiannya yang bertajuk *Bisaya in North Borneo and Elsewhere* mengemukakan bahawa masyarakat Bisaya di

³*Maragtas* ialah himpunan cerita rakyat Filipina yang diterjemahkan ke dalam bahasa Sepanyol oleh Father Santaren pada tahun 1858. Pada tahun 1902, buat pertama kalinya *maragtas* berkenaan diterbitkan sebagai sebahagian lampiran dalam buku Father Angel Perez bertajuk *Igorroles Estudio Geografico y Etnografico Sobre Algunos del Norte de Luzon*. Bukti kewujudan penempatan

⁴Bisaya Borneo di Cagayan pada awal abad ke-16 dicatatkan oleh Antonio Pigafetta pada tahun 1521.

⁵Kisah penghijrahan masyarakat Bisaya dan masyarakat lain seperti Kedayan juga ada disebut dalam *maragtas* versi *Carreon-Monteclaro* (Carroll, 1960).

Lembangan Padas (*Padas Delta*) kurang mendapat perhatian penyelidik berbanding dengan etnik utama lain di Borneo seperti Dusun, Murut dan Bajau. Walaupun setelah setengah abad kewujudan masyarakat ini tercatat dalam sejarah, maklumat tentangnya masih terlalu sedikit. Kajian terdahulu yang pernah dilakukan oleh pengkaji Barat tidak banyak membantu dalam memberikan maklumat lengkap tentang masyarakat Bisaya, khususnya di Borneo Utara.

Dalam kajiannya, Harrisson menyatakan bahawa masyarakat Bisaya mengamalkan kepercayaan animisme dan *shamanism* (perbomohan) dalam kehidupan mereka. Penempatan mereka dikatakan bercirikan konsep kelompok tersendiri, iaitu setiap keluarga mempunyai rumahnya sendiri, dan rumah-rumah keluarga lain akan dibina berhampiran antara satu sama lain. Amalan pertanian mereka berkaitan dengan penghasilan sagu dan penternakan kerbau. Kebanyakan peralatan seperti senjata, perkakasan dapur dan alat muzik (gong) diperbuat daripada tembaga.

Benedict Sandin (1971), seorang anak tempatan, melalui kajiannya *The Bisayah of Limbang* banyak membicarakan aspek sosiobudaya masyarakat Bisayah Limbang yang terdapat di Sarawak. Pada masa lampau, suku Bisayah Limbang ini lebih dikenal sebagai “Tenggara” dan mereka banyak menempati sepanjang tebing Sungai Limbang di Bahagian Kelima Sarawak. Pada asalnya, Bisayah dikatakan tidak mempunyai sebarang anutan agama (pagan). Hanya setelah kedatangan ulama dan pedagang Islam, agama Islam meresap dalam kalangan orang Penan, Murut, Bisayah, Tagal, dan Tenggara. Walaupun pengislaman berlaku secara besar-besaran, ada juga dalam kalangan masyarakat ini yang masih pagan dan hidup secara berasingan. Sehingga kini, masyarakat Bisayah Limbang masih mengamalkan kepercayaan animisme dalam kehidupan harian mereka bermula dari saat kelahiran hinggalah ke saat kematian.

Masyarakat ini juga percaya bahawa segala kekayaan dan kesenangan yang diperoleh sepanjang tahun hendaklah diraikan dengan mengadakan Pesta Belulang.

Kajian Bahasa

Asmah Haji Omar (1983) melalui kajian beliau yang bertajuk *The Malay Peoples of Malaysia and Their Languages*, menyenaraikan 23 bahasa daripada 18 kelompok yang dibahagikan mengikut tiga sempadan geografi, iaitu Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah. Kajian ini direalisasikan melalui dana *Malay Culture Study Project* di bawah seliaan UNESCO pada tahun 1971. Bahasa Bisaya merupakan salah satu bahasa yang diuraikan oleh Asmah dalam kajian tersebut. Menurut Asmah, bahasa Bisaya yang dituturkan di Borneo tidak harus disamakan dengan Bisaya yang dituturkan di Filipina walaupun keduanya mungkin mempunyai hubungan genetik dalam konteks bahasa meso (*meso-languages*). Namun untuk kajian ini, Asmah hanya menghuraikan aspek fonologi bagi variasi bahasa Bisaya yang dituturkan di daerah Beaufort, Sabah.

Asmah mengemukakan bahawa dalam bahasa Bisaya terdapat tujuh inventori vokal, dan 19 inventori konsonan. Bentuk fonologi lain yang wujud dalam bahasa ini ialah diftong, vokal rangkap, konsonan rangkap, dan vokal berulang. Menurut Asmah, bahasa Bisaya mempunyai dua jenis konsonan rangkap, iaitu gabungan konsonan nasal + verbal, dan gabungan konsonan plosif + getaran. Vokal berulang yang wujud ialah vokal yang sama hadir secara berturutan dan lazimnya dipisahkan oleh hentian glotis. Dari aspek morfologi, bahasa Bisaya mempunyai lima binaan struktur suku kata iaitu V, VK, KV, KVK dan KKV, dan mempunyai 23 imbuhan yang terdiri daripada 17 kata kerja, tiga kata nama, satu kata adjektif, dan dua kata bilangan. Asmah juga menyenaraikan beberapa maklumat

tambahan seperti penggunaan ganti nama, kata tunjuk, kata tanya, penomboran, kata bilangan, penjodoh bilangan, preposisi, *ligature*, artikel, dan kata perbandingan.

Selain kajian oleh Asmah, kajian aspek bahasa juga dilaksanakan oleh dua pengkaji dari Summer Institute of Linguistic (SIL) yang beribu pejabat di Amerika Syarikat. Phyllis A. Dunn (1984) dan Kenneth D. Smith (1984) adalah antara pengkaji Barat yang mengkaji bahasa Bisaya di Sabah. Kajian Dunn bertajuk *The Bisaya Language* yang diterbitkan dalam *Language of Sabah: A Survey Report* sebenarnya merupakan kajian linguistik pertama berkenaan bahasa Bisaya di Sabah dengan menggunakan kaedah analisis leksikostatistik. Semasa kajian ini dilaksanakan, masyarakat Bisaya pada ketika itu dianggarkan berjumlah kira-kira 10 000 hingga 12 000 orang. Sebahagian besar masyarakat Bisaya ialah petani dan penempatan mereka bertumpu di kawasan barat daerah Beaufort, iaitu di sepanjang Sungai Padas, di selatan Pekan Weston dan di selatan Kuala Penyu. Analisis leksikostatistik telah dilakukan ke atas 344 daftar kata yang mewakili 325 kampung di Sabah⁶.

Smith pula melalui kajiannya yang bertajuk *The Language of Sabah: A Tentative Lexicostatistical Classification* mengemukakan satu pemetaan bahasa yang agak lengkap tentang bahasa-bahasa sukuan yang terdapat di Sabah ketika itu. Menurut Smith, data yang digunakan untuk analisis klasifikasi telah dihimpunkan oleh ahli linguistik mahir antara bulan Oktober 1978 dengan bulan November 1979. Berdasarkan klasifikasi Smith ini, bahasa-bahasa di Sabah tergolong dalam bahasa Austronesia yang terbahagi kepada tiga stok utama (*superstock*), iaitu stok bahasa Butung, stok bahasa Jawa, dan

stok bahasa Austronesia Barat Laut. Bahasa Bisaya digolongkan ke dalam keluarga bahasa Dusun (*Dusunic*) daripada stok linguistik Borneo. Selain bahasa ini terdapat sembilan lagi bahasa lain yang berkongsi keluarga yang sama, iaitu Papar, Dumpas, Kadazan Tambanua, Lotud, Tatana, Kuijau, Kadazandusun, dan Kadazan Barat. Darjah saling faham antara bahasa-bahasa ini adalah dalam lingkungan 60% hingga 75%.

Berdasarkan perbincangan dan ulasan terhadap ketiga-tiga kategori kajian di atas, jelaslah bahawa masyarakat Bisaya kurang mendapat perhatian pengkaji walaupun kewujudannya dalam sejarah pelayaran mubaligh Kristian telah tercatat hampir 100 tahun yang lalu sebelum pengkaji Barat yang pertama menjalankan kajian terhadap masyarakat berkenaan. Kekurangan bahan rujukan persuratan pastinya akan mengekang penghasilan kajian-kajian lanjutan. Harapan penulis agar ulasan ini dapat membuka keinginan penyelidik tempatan, khususnya dalam bidang linguistik untuk melaksanakan kajian bahasa sukuan di Sabah pada masa akan datang.

Berdasarkan klasifikasi Smith ini, bahasa-bahasa di Sabah tergolong dalam bahasa Austronesia yang terbahagi kepada tiga stok utama (*superstock*), iaitu stok bahasa Butung, stok bahasa Jawa, dan stok bahasa Austronesia Barat Laut. Bahasa Bisaya digolongkan ke dalam keluarga bahasa Dusun (*Dusunic*) daripada stok linguistik Borneo.

⁶Bagi melaksanakan ujian saling faham (*intelligibility testing*) dalam bahasa Bisaya, Dunn memilih dua buah kampung, iaitu Kampung Padas (Daerah Beaufort) yang kedudukannya agak terpencil, dan Kampung Kilugus (Daerah Kuala Penyu) yang mudah dihubungi kerana terletak di laluan jalan utama antara Pekan Beaufort dengan Pekan Menumbok.



MURUT SERUDONG DAN KERAMAT

Oleh: FLORA IBAN

Mungkin tidak banyak orang yang mengenal etnik Murut Serudong. Hal ini demikian kerana kebanyakan masyarakat Murut tinggal di kawasan pedalaman Sabah, iaitu di Keningau, Sook, Nabawan, Pensiangan, Sipitang, dan sebagainya. Etnik Murut Serudong atau Serudong merupakan satu-satunya subetnik Murut yang boleh ditemui bahagian pantai timur Sabah, iaitu Tawau dan Kalabakan. Menurut Yusup Isid, 54 tahun dari Kampung Sungai Tamang Tawau, masyarakat Serudong berasal dari kawasan Pensiangan. Faktor utama penghijrahan masyarakat Serudong ke kawasan pantai timur Sabah bermula apabila berlaku serangan penyakit kulit yang amat teruk sehingga menyebabkan banyak orang kampung yang menjadi cacat atau kudung (tangan dan kaki), dan akhirnya mati. Penyakit tersebut sukar diubati serta menyebar dengan amat cepat. Menurut beliau lagi, sebenarnya perkataan “Serudong” berasal daripada perkataan “kudung”, iaitu kudung kaki atau tangan kerana jangkitan penyakit tersebut. Sekiranya berlaku kematian di kampung itu akibat penyakit tersebut, maka orang kampung akan segera meninggalkan kampung tersebut tanpa menghiraukan mayat yang bergelimpangan kerana takut dijangkiti oleh penyakit itu. Kumpulan yang terselamat berhijrah hingga ke kawasan pedalaman Sandakan. Penghijrahan seterusnya berlaku sehingga ke hulu Sungai Serudong di kawasan Tawau.

Pada tahun 1963, iaitu ketika Konfrontasi Malaysia – Indonesia, Tuan Bakai atau Kee Abu Bakar bersama-sama dengan kerajaan British meminta agar etnik ini dipindahkan ke kawasan Apas Balung. Perpindahan tersebut adalah untuk menjamin keselamatan orang Serudong daripada menjadi

mangsa perang di kawasan sempadan Malaysia–Indonesia. Etnik Tidung yang mendiami kawasan hilir Sungai Serudong pula dipindahkan ke kawasan Kuala Merotai.

Apabila orang Murut Serudong tidak berpuas hati dengan keadaan di Apas Balung, pemimpin masyarakat Serudong, iaitu KK Sinut merancang untuk kembali ke hulu Sungai Serudong, iaitu petempatan lama mereka. Namun, memandangkan keadaan pada masa tersebut tidak menjamin keselamatan mereka untuk pulang ke kampung halaman, maka orang Serudong terus tinggal di Kalabakan sehingga tahun 1967. Sehingga tahun 1968, mereka akhirnya pulang ke kawasan Serudong, tetapi kali ini mereka menetap di hilir Sungai Serudong, iaitu petempatan asal orang Tidung. Sehingga hari ini, petempatan orang Serudong di Tawau ialah di hilir Sungai Serudong dan Apas Balung, Tawau.

Menyentuh kisah keramat dalam kalangan masyarakat Serudong, kisah ini berkisarkan kesaktian yang dimiliki oleh nenek moyang mereka. “Keramat” merupakan nenek moyang orang Serudong yang mempunyai ilmu kesaktian yang luar biasa. Dalam bahasa Murut, keramat dinamakan *lobong* atau kuburan orang sakti. Menurut cerita Yusup Isid lagi, pada zaman dahulu, ada sebuah batu yang sangat besar dan tinggi. Disebabkan saiz batu tersebut yang sangat besar dan tinggi, cahaya matahari tidak dapat menembusi kawasan penempatan orang Serudong. Hal ini sangat menyusahkan orang kampung yang tinggal di kawasan tersebut. Menurut Yusup, ada tujuh orang adik-beradik yang pergi ke kampung tersebut untuk merobohkan batu itu. Walau bagaimanapun, mereka tidak berjaya merobohkan batu itu dengan kapak biasa. Namun, akhirnya mereka berjaya merobohkan batu tersebut itu dengan menggunakan pangkal kaki landak dan bacaan jampi mantera. Pada hari ini, kawasan tersebut dikenal sebagai *tinagat* yang bermaksud ditebang.

Dalam peristiwa perobohan batu itu, semasa batu tersebut sedang rebah ke bumi, si adik bongsu telah diarahkan untuk memotong batu tersebut. Malangnya, jari kelingking si adik bongsu tersepit di celah batu yang pecah itu. Si adik yang cedera parah dan dalam keadaan kesakitan dibawa pulang ke Timbalunan. Walau bagaimanapun, si adik bongsu tidak lagi dapat diselamatkan dan akhirnya meninggal dunia. Dia dikebumikan di



Generasi muda Murut mempamerkan aksi menari tarian tradisional kaum Murut.

Timbalunan. Sebelum adik bongsu meninggal dunia, dia berpesan agar dikebumikan dengan menggunakan keranda kayu yang ditanam secara menegak. Setiap tiga tahun, kawasan “keramat” adik bongsu akan dibersihkan oleh orang-orang terpilih sebagaimana yang diwasiatkannya sebelum menghembuskan nafas terakhir.

Selain kisah perobohan batu yang besar dan tinggi, terdapat banyak lagi kisah yang membezakan keramat masyarakat Serudong daripada orang biasa. Salah satu kisah kesaktian masyarakat Serudong ialah kehandalan mereka berjalan dengan lebih cepat berbanding dengan orang biasa. Dikatakan, orang yang mempunyai kesaktian itu dapat pergi ke satu tempat yang jauh seperti ke bandar untuk membeli barangan keperluan harian dalam masa sehari sahaja, berbanding dengan orang biasa yang mengambil masa berminggu-minggu untuk balik ke kampung.

Kuburan orang yang memiliki keramat haruslah dibersihkan mengikut wasiat si mati. Sekiranya mereka tidak berbuat demikian, dipercayai pelbagai bencana akan menimpa penduduk kampung seperti banjir, kemarau panjang dan sebagainya. Sekiranya mereka mempunyai hajat kepada keramat tersebut, mereka akan pergi ke kubur dan membersihkan kawasan tersebut, dan dipercayai keramat tersebut akan menunaikan permintaan mereka. Sebagai contoh, sekiranya kemarau panjang melanda kampung tersebut dan tanam-tanaman mereka tidak menjadi, maka mereka akan menghajatkan hujan untuk membolehkan tanam-tanaman mereka tumbuh dengan subur. Terdapat dua buah kubur keramat orang Serudong, iaitu di Pensiangan dan di Ulu Serudong, Tawau.



Adat Resam dan Pantang Larang

ETNIK BONGGI

Oleh: RAYMOND MAJUMAH

Etnik Bonggi merupakan masyarakat minoriti yang mendiami Pulau Banggi di Kudat, Sabah yang terletak di bahagian paling utara tanah besar Pulau Borneo. Sebahagian besar etnik Bonggi hidup secara tradisi. Pengaruh luar ternyata tidak banyak memberikan kesan terhadap corak hidup mereka.

Pulau Banggi ialah pulau yang terbesar di Malaysia dengan keluasan 450 hingga 460¹ kilometer persegi. Pulau Banggi terletak di latitud 70 darjah 15' Utara dan merangkumi sebahagian daripada Daerah Kudat, Sabah. Pulau Banggi merangkumi kawasan sepanjang 31 kilometer dan 21 kilometer lebarnya. Kawasan tertinggi ialah Gunung Sinambung dengan ketinggian 550 meter dari paras laut. Pulau bersebelahan dengan Pulau Banggi yang terletak di bahagian Barat ialah Pulau Balambangan. Secara geologinya kedua-dua pulau ini adalah sebahagian daripada tanah besar Borneo.

Sebagai sebuah pulau yang paling utara sekali di Malaysia, pulau ini terletak di kawasan paling utara Pulau Borneo dan bersempadan dengan perairan Filipina di sebelah utara. Pulau Banggi diasingkan daripada tanah besar Sabah oleh Selat Banggi Selatan. Pusat pentadbiran Daerah Kecil Banggi di Karakit, Pulau Banggi terletak sejauh 44 Kilometer dari Pusat

¹Michael M. Boutin (1990) dan Joseph Pounis Guntavid (2005) menganggarkan luas Pulau Banggi lebih kurang 460 kilometer persegi.



Rumah tradisional etnik Bonggi.

Pentadbiran Daerah Kudat. Perjalanan melalui bot dari Kudat ke Karakit memakan masa 2 jam.

Menurut Tay Buang Leng dalam rencananya “Kepercayaan dan Adat Resam Suku Kaum Bonggi” yang tersiar dalam *The New Sabah Times* pada 2 Disember 2011, masyarakat Bonggi ialah etnik yang sangat berpegang kuat pada adat resam dan kepercayaan tradisi mereka. Misalnya, kepercayaan *rumasi* atau *bebelang* atau *mbelang*. Namun begitu, kedatangan agama Islam dan Kristian sedikit sebanyak memberikan kesan kepada kehidupan tradisi mereka. Sebahagian besar upacara kepercayaan tradisional jarang-jarang diamalkan selepas mereka menganut agama Islam. Salah satu adat kepercayaan mereka ialah upacara menyambut dan memuja sebuah tempayan antik yang dikenal sebagi *belan*. Ritual seperti pesta ini diadakan pada setiap tahun secara besar-besaran untuk meraikan pemujaannya pada masa dahulu. Pemujaan tempayan antik dilakukan pada setiap malam. Walau bagaimanapun, amalan yang digelar *malam*

berunsai ini tidak lagi diadakan sejak kebanyakan mereka menganut agama Islam.

Kepercayaan Animisme

Pagan mempunyai kaitan sepenuhnya dengan kepercayaan animisme. Kepercayaan animisme ialah satu bentuk amalan yang mempercayai bahawa segala benda (pokok, batu, angin, dan lain-lain) mempunyai semangat atau roh. Roh ini dipercayai terdiri daripada makhluk halus yang menghuni tempat-tempat tertentu seperti sungai, batu, pokok kayu, rumah, dapur, tanah, langit, dan lain-lain yang boleh mengganggu dan mendatangkan musibah kepada manusia, apabila manusia mengganggu tempat tinggal mereka.

Kepercayaan animisme ini masih menebal dalam kalangan etnik Bonggi kerana kebanyakan mereka masih pagan, belum lagi beragama. Hanya sejumlah kecil etnik Bonggi telah memeluk agama Islam dan Kristian. Etnik Bonggi yang memeluk Islam boleh ditemui di Kampung Limbuak, Balambangan, Sabur, dan

Karakit. Manakala, etnik Bonggi yang beragama Kristian boleh ditemui di Kampung Palak dan Kapitangan (Pasir Hitam).

Kepercayaan animisme etnik Bonggi menjadi asas terpenting dalam pembentukan adat dan pantang larang mereka. Amalan pantang larang etnik Bonggi wujud melalui pelbagai kaedah perubatan untuk merawat penyakit secara tradisional. Pada zaman dahulu, sebelum hospital dan perubatan moden wujud di Pulau Banggi, kalangan etnik Bonggi akan mengadakan ritual untuk mengubati sesuatu penyakit. Ritual ini dikenal sebagai *bejin*. Mereka yang memerlukan rawatan ini akan memanggil bomoh untuk melakukan ritual tersebut untuk menyembuhkan penyakit atau masalah kesihatan yang mereka hadapi.

Dalam ritual ini, bomoh akan memanggil hantu untuk menyembuhkan penyakit tersebut, diiringi oleh paluan gong yang dikenal sebagai *betegunggu*. Ritual tersebut akan dilangsungkan dari pukul tujuh malam hingga pukul 12.00 tengah malam, dan berterusan sehingga subuh, iaitu dari pukul tiga hingga lima pagi.

Bagi kes penyakit yang tidak begitu serius, bomoh hanya mengambil daun selasih, *kusur* atau *selibangun*, kemudian dibaca jampi, seterusnya disapu di bahagian tubuh yang bermasalah. Adakalanya, pesakit akan diberikan minum herba yang direbus, bergantung pada keadaan pesakit.

Jika penyakit tidak juga sembuh walaupun selepas tiga malam *betegunggu*, ritual itu akan diulang selang tiga hari selepas itu. Bagi penyakit yang serius, bomoh akan menebuk hujung jari dengan jarum atau menggunakan pisau untuk mendapatkan darah pesakit tersebut. Darah tersebut akan disapu di bahagian perut pesakit. Walau bagaimanapun, terdapat pantang larang yang perlu dipatuhi dalam ritual ini. Antaranya termasuklah tidak boleh makan kunyit dan ayam, dan tidak boleh berpakaian cantik serta menarik.

Bagi menjayakan kelangsungan hidup, untuk mendapatkan api, mereka akan membuat bahan api yang diperbuat daripada kayu yang dinamakan *firiane*. Mereka yang melakukan kesalahan seperti mencuri, akan dibawa ke

muka pengadilan menghadap ketua kampung atau *nguhume*. Jika sabit kesalahan, pelaku akan didenda dengan membayar sejumlah wang kepada pihak yang mengalami kecurian. Antara pantang larang etnik Bonggi yang lain termasuklah:

1. Larangan membawa bambu, daun nipah, dan buah pinan berserta tandannya masuk ke dalam rumah, kecuali untuk tujuan ritual.
2. Larangan singgah di rumah kawan selepas balik dari tanah perkuburan.
3. Larangan membawa masuk ayam ke dalam rumah.
4. larangan membuat ketupat kecuali untuk untuk tujuan sembahyang.
5. Larangan membawa gong atau *abandil* masuk ke dalam rumah kecuali rumah tempat sembahyang.

Pelaku yang melanggar pantang larang ini akan dikenakan *sogit* atau denda sebiji celepa tembaga bersaiz lapin inci atau sejengkal.

Demikianlah kehidupan tradisional etnik Bonggi yang terikat dengan pelbagai adat dan ritual yang telah diwarisi daripada nenek-moyang dan akan diwariskan pula kepada generasi akan datang. Begitulah hakikatnya tradisi pewarisan amalan masyarakat ini.

Adat Resam dan Pantang Larang

Terdapat pelbagai adat resam dan pantang larang dalam kalangan etnik Bonggi. Antaranya termasuklah berkaitan kelahiran, perkahwinan, kematian, dan pembinaan rumah. Dalam pembinaan rumah, beberapa jenis bahan atau tumbuhan tidak boleh digunakan. Mengikut tradisi atau kepercayaan etnik Bonggi, tumbuh-tumbuhan yang tidak boleh digunakan ialah semua jenis bambu dan tumbuhan berdaun lebar. Hal ini kerana bambu hanya digunakan dalam pembuatan sumpitan, *santu suong* (bekas air) dan pagar. Manakala, tumbuhan berdaun besar hanya digunakan dalam upacara *rumasi* atau *belelang* atau *malang*. Jika bahan ini digunakan juga, maka dipercayai nasib yang tidak baik akan berlaku, terutama berkaitan dengan soal kematian.

Dalam buku *Beberapa Pantang Larang Suku Kaum Anak Negeri Sabah (Bahagian Satu)* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah pada tahun 2008, pantang larang berkaitan pertanian dan penternakan turut disebutkan. Antara pantang larang tersebut termasuklah larangan meneruskan kerja membersihkan ladang apabila terdengar bunyi burung *mengontil*. Petani hendaklah mencari tempat lain untuk berladang. Etnik Bonggi juga dilarang memakan hasil pertama tuaian padi tanpa lauk. Pelaku akan dikenakan *sogit* atau denda sebiji celepa.

Etnik Bonggi juga dilarang melintas di kawasan ladang orang lain kecuali di jalan yang telah disediakan oleh pemilik ladang. Pelaku akan dikenakan *sogit* atau denda sebiji celepa. Larangan seterusnya ialah memotong tunggul kayu di kawasan ladang. Pelaku akan dikenakan *sogit* atau denda sebiji celepa. Etnik Bonggi juga dilarang memberikan pujian dan mengatakan tanaman tidak menjadi ketika menuai padi. Pelaku yang melanggar larangan ini akan dikenakan *sogit* atau denda sebiji celepa.

Dalam bidang penternakan pula, etnik Bonggi dilarang memukul binatang ternakan orang. Etnik Bonggi yang didapati melakukan hal ini akan dikenakan *sogit* atau denda sebiji *supuh* atau *cepu*.

Adat Resam dan Pantang Larang

1. Kelahiran

Pantang larang dalam etnik Bonggi berkaitan kelahiran bermula sejak peringkat seseorang wanita itu mengandung. Antara pantang larang ketika seseorang wanita itu mengandung adalah seperti yang berikut:

1. Tidak boleh melangkah kaki wanita yang sedang mengandung. Jika terlangkah, dipercayai anak yang dilahirkan nanti akan mengikut perangai orang yang melangkah kaki ibunya.
2. Tidak boleh memarahi wanita yang sedang mengandung, takut nanti wanita itu akan

menguus, iaitu sukar melahirkan anak. Hal ini akan mengakibatkannya berada dalam keadaan yang amat sakit apabila hendak bersalin.

Pantang larang bagi ibu yang baru bersalin pula adalah seperti berikut:

1. Tidak boleh keluar rumah selama 44 hari.
2. Tidak boleh mandi selepas bersalin. Si ibu hanya dibenarkan mandi selepas tiga hari selepas bersalin. Si ibu akan mandi setiap tiga hari selepas itu untuk *punggil* (*kambuh*).
3. Tali pusat bayi yang baharu lahir mesti dipotong oleh bidan kampung dengan menggunakan buluh yang telah ditajamkan.

2. Perkahwinan

Pada masa dahulu, adat yang dikenal sebagai *nguhume* (hukum) dijadikan landasan untuk membicarakan sesuatu kesalahan yang berkaitan dengan perkahwinan. Apabila seorang lelaki etnik Bonggi mencari pasangan, dia akan meminang gadis pilihannya bersama Ketua Kampung yang dilantik oleh penduduk kampung. Apabila pihak perempuan bersetuju, maka tarikh perkahwinan ditetapkan. Berian semasa perkahwinan adalah dalam bentuk duit, *toog* (gong) dan *gadur* (sejenis keris lama).

Dalam tempoh pertunangan, pasangan dilarang berjalan berdua-duaan tanpa keizinan ibu bapa pihak perempuan. Menurut buku *Beberapa Pantang Larang Suku Kaum Anak Negeri Sabah Bahagian Satu*, jika larangan ini tidak dipatuhi oleh pihak lelaki, maka pihak lelaki dikenakan *sogit* atau denda sebiji celepa bersaiz sejengkal dan sebiji *sumbul*.

Pasangan yang menyukai antara satu sama lain, tetapi belum bertunang, dilarang berjalan berdua-duaan. Jika arahan ini tidak dipatuhi, maka pelaku lelaki dikenakan *sogit* atau denda dua biji celepa. *Sogit* atau denda hendaklah diserahkan kepada pihak perempuan. Kedua-dua pihak juga dikehendaki membayar *sogit* sebanyak RM400.00.

Lelaki dan perempuan bujang yang didapati berjalan berdua-duaan pada waktu malam, akan ditangkap basah kerana

Jika larangan berkaitan kematian ini tidak dipatuhi, maka pelaku akan dikenakan *sogit* atau denda sebiji celepa. Celepa itu hendaklah diserahkan kepada si mati.

melakukan kesalahan yang disebut *suat sala*. Jika telah tidur bersama, mereka mesti berkahwin dan akan melalui perbicaraan *nguhume*. Dalam kehidupan berkeluarga pula, suami atau isteri hendaklah memberikan sejumlah wang mengikut kemampuan, tanpa had tertentu kepada pasangannya yang hendak menggunting rambut. Hal ini demikian kerana untuk mengelakkan *slaie*, iaitu denda adat seperti *sogit*.

Lelaki etnik Bonggi yang berkahwin untuk kali kedua dan mempunyai anak, mesti memberikan wang kepada anak-anak dan isteri kerana takut terkena *keluanggane* atau sakit. Kegagalan untuk berbuat demikian menyebabkan dia terpaksa melalui perbicaraan *nguhume*.

Larangan yang perlu dipatuhi berkaitan perkahwinan di bawah umur seperti yang terdapat dalam buku *Beberapa Pantang Larang Suku Kaum Anak Negeri Sabah (Bahagian Satu)* ialah pasangan yang belum cukup umur, tetapi ingin berkahwin, perlu berbincang dengan ketua kampung terlebih dahulu. Jika larangan ini tidak dipatuhi, maka ibu bapa kedua-dua belah pihak akan dikenakan *sogit* atau denda sebiji gong *tatog*.

Kematian

Terdapat beberapa pantang larang dalam kalangan etnik Bonggi seperti yang disebutkan buku *Beberapa Pantang Larang Suku Kaum Anak Negeri Sabah Bahagian Satu* (DBPCS, 2008:18). Antaranya termasuklah:

1. Ahli keluarga si mati dilarang bekerja dan mandi selama tiga hari, bermula dari hari berlakunya kematian. Setelah tempoh larangan ini tamat, ahli keluarga si mati dikehendaki bercukur kepala (lelaki) dan menggunting hujung rambut (perempuan).

2. Ahli keluarga si mati dilarang mengunjungi kubur si mati selama setahun kecuali jika ada ahli keluarga si mati meninggal dunia dalam tempoh tersebut.

3. Ahli keluarga si mati dilarang mengorek atar membakar kubur sama ada dengan sengaja ataupun tidak sengaja dalam tempoh tersebut.

Jika larangan berkaitan kematian ini tidak dipatuhi, maka pelaku akan dikenakan *sogit* atau denda sebiji celepa. Celepa itu hendaklah diserahkan kepada si mati.

Berdasarkan huraian dan penjelasan yang sudah dikemukakan berhubung adat resam dan pantang larang dalam kalangan etnik Bonggi, ternyata adat resam dan pantang larang tersebut mempunyai kepentingan yang sangat relevan dengan etnik tersebut. Melalui adat resam dan pantang larang tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa adat resam dan pantang larang tersebut bukan sahaja merangkumi peringkat kelahiran, perkahwinan dan kematian, malah berkait juga dengan pertanian, penternakan, penghormatan, dan ritual. Adat resam dan pantang larang yang mereka warisi ini membolehkan mereka dapat melalui kehidupan yang harmoni, aman dan saling bekerjasama. Secara tidak langsung dapat mewujudkan perpaduan.

Etnik Bonggi tidak berbeza daripada etnik lain, mempunyai kebudayaan dan adat warisan yang dapat dijadikan panduan untuk menjalani kehidupan dan bermasyarakat. Adat resam dan pantang larang yang telah diwarisi daripada generasi yang terdahulu masih terus diamalkan sehingga sekarang dan seharusnya terus dipelihara dan dikekalkan agar generasi seterusnya boleh mengetahui adat resam dan pantang larang ini sebagai warisan etnik mereka. Mungkin ada cabaran tertentu yang berkaitan dengan perubahan kehidupan dan keperluan semasa, namun adat tetap penting dipelihara. Sebahagian daripada adat resam dan pantang larang ini masih relevan. Oleh hal demikian, maka usaha untuk mengekalkannya perlu dilakukan oleh generasi kini dan generasi akan datang walaupun terpaksa berdepan dengan cabaran pada zaman moden ini.

Glosari Kosa Kata

Glosari Kosa Kata Umum Bahasa Sukuan Sabah

A

amak	Membangkitkan perasaan agar bergaduh atau melakukan suatu perbuatan yang tidak baik; mengadu domba.
Kelas kata :	Kata kerja
Bahasa sumber:	Kadazandusun
ambit	Gusti yang menggunakan tangan; gusti tangan/ <i>arm wrestling</i> BI.
Kelas kata :	Kata nama
Bahasa sumber:	Bajau Sama
ambulung	Tepung sagu rumbia yang masih mentah sama ada dalam keadaan kering ataupun basah.
Kelas kata :	Kata nama
Bahasa sumber:	Umum
ampat	Mengambil kesemua bahagian dengan tujuan supaya orang lain tidak mendapatnya.
Kelas kata :	Kata kerja
Bahasa sumber:	Bajau Sama
ampit	Mendapat bahagian keuntungan, faedah atau syer.
Kelas kata :	Kata kerja
Bahasa sumber:	Sungai
ampul	Sifat sesuatu yang ringan, lembut, lisut, dan dapat timbul di permukaan air (berkenaan papan, gabus, dan sebagainya).
Kelas kata :	Kata adjektif
Bahasa sumber:	Bajau Sama
andatila	Kaki langit.
Kelas kata :	Kata nama
Bahasa sumber:	Iranun
anglit	Periuk belanga.
Kelas kata :	Kata nama
Bahasa sumber:	Suluk
angsal	Pagar daripada kayu buluh yang dipasang tanpa menggunakan bahan logam lain seperti paku, dawai dan sebagainya.
Kelas kata :	Kata nama
Bahasa sumber:	Kadazandusun
angub	Bahagian pintu atau jendela yang boleh dibuka katup, daun pintu atau daun jendela.
Kelas kata :	Kata nama
Bahasa sumber:	Bisaya
anit	Perbuatan mengupas, mengopek atau menguliti sesuatu (berkenaan buah-buahan dan sebagainya).
Kelas kata :	Kata kerja
Bahasa sumber:	Kadazandusun
ayuna	Sikap tidak suka membantah percakapan orang lain yang menyebabkan orang ramai menyenangkannya.
Kelas kata :	Kata adjektif
Bahasa sumber:	Iranun



Puisi Rakyat Kimaragang

Noko Intaan Okuno

*Oh, oh, ondu
amu oluol o matai
ong nasib no linumaga
ari, ari.*

*Oh, oh, ondu
ong sumambat kono dogon
kada no ki mogiad
ari, ari.*

Aku Pasrah

Alahai manja
kematian tidak sakit
jika takdir sudah tiba
alahai.

Alahai manja
cinta kita suci
sebening embun di dedaun pisang
alahai.

Alahai manja
jika kita bertemu kelak
usahlah menangis
alahai.

**Lagu ini lazimnya dinyanyikan oleh pasangan yang sedang bercinta.*

Dipetik daripada:

Sendait: Irama Bawah Bayu yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.

